

07 SEP 2003

Mahathir-Ucapan

DR MAHATHIR AKAN BERUCAP MENGENAI ISLAM DI UNIVERSITY OF LONDON

JELI, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijemput untuk menyampaikan ucapan mengenai Islam dan pembangunan semula umat Islam di Universiti of London pada 22 Sept.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman berkata jemputan itu dibuat oleh School of Oriental Studies, universiti berkenaan.

Antara tetamu pada majlis itu nanti ialah para intelektual, pemikir politik, pemikir Islam dan ahli sosiologi di England, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucap-tama pada Seminar Percambahan Pemikiran Islam Hadari peringkat negeri di Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Lanas di sini, hari ini.

Abdul Hamid berkata Dr Mahathir akan diiringi beberapa tokoh agama Islam dari Malaysia pada majlis itu.

Beliau berkata pada 23 Sept, Dr Mahathir akan melancarkan "Encyclopedia of Dr Mahathir Mohamad" di Universiti Oxford, England yang diterbitkan oleh Darul Fikri, sebuah syarikat penerbitan terkenal dari Mesir.

Katanya segala karangan dan pemikiran Dr Mahathir telah dimasukkan dalam ensaiklopedia itu yang diterbitkan dalam bahasa Arab dan Inggeris. Ia juga akan diterbitkan dalam bahasa Sepanyol, Perancis dan Bahasa Melayu.

Abdul Hamid berkata syarikat itu menerbitkan ensaiklopedia berkenaan kerana kagum dengan pemikiran dan kebolehan Dr Mahathir menrencanakan pembangunan.

Katanya ia juga merupakan penghormatan oleh golongan intelek seluruh dunia terhadap Perdana Menteri di atas pemikirannya yang tinggi dalam membangunkan umat Islam dalam kurun ini.

"Buku ini akan dilancarkan di Malaysia oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Universiti Islam Antarabangsa pada 20 Sept," katanya.

Abdul Hamid berkata baru-baru ini seorang ahli fikir terkemuka barat, Tony Browson, telah menulis bahawa Dr Mahathir merupakan seorang pemimpin yang paling cekap berfikir dan paling kuat ingatan.

Tony yang terkenal dengan peraduan "memory games" telah menghubungi Abdul Hamid meminta beliau mengaturkan pertemuan dengan Dr Mahathir dan bagi menganjurkan peraduan itu di Malaysia.

"Saya tanya beliau bagaimana dia tahu Dr Mahathir mempunyai ingatan yang begitu kuat, beliau kata ucapan Dr Mahathir selama 23 tahun tidak pernah berulang, ini merupakan ingatan yang cukup kuat," katanya.

-- BERNAMA

BD RHM